## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## 12 MEI 2023 (JUMAAT)

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9. | MAT SABU: APPOINMENT OF IVE STATUTORY BODY CHAIRMEN BY MAFS IS BASED ON SERVICE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A19<br>MAT SABU: SUBSIDY DISTRIBUTION RATIO UNCHANGED, NATION, CHINA PRESS -A3<br>MAT SABU: GOVERNMENT TO STICK WITH CURRENT SUBSIDY DIVISION RATIO OF 10 SEN FOR CHICKEN, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4<br>MAT SABU: CHAIRMEN OF STATUTORY BODIES APPOINTED MAINLY TO CHAIR MEETINGS, NATION, SIN CHEW DAILY -4<br>NO GOVT INTERVENTION IN EGG SUBSIDY TALKS BETWEEN BREEDERS AND PRODUCERS, NATION, THE STAR -7<br>KPKM KEKALKAN FORMULA PEMBAHAGIAN SUBSIDI AYAM, NASIONAL, SH -10<br>'LANTIKAN PENGERUSI BAHARU BUKAN SEBAB KAPASITI POLITIK', LOKAL, HM -18<br>TAK KACAU PERJANJIAN PEMBEKAL, PENTERNAK, LOKAL, HM -18<br>'TIADA BEZA PUN DENGAN KERAJAAN NAJIB, MUHYIDDIN', NASIONAL, SH -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 10. | DROP IN NUMBER OF TURTLE EGGS ON LABUAN MARINE PARKS A CAUSE FOR CONCERN, HOME, BORNEO POST (KK) -1 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 11.<br>12. | CHINA MASIH PERLU IMPORT DURIAN MALAYSIA - MARDI, DALAM NEGERI, UM -11<br>EKSPORT DURIAN KE CHINA TERJEJAS JUN INI?, RENCANA, UM -16 & 17 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 13. | SISTEM TANAMAN PADI TIDAK EFISIEN, DALAM NEGERI, UM 1 &2 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 14. | PERUNTUKAN RM3 JUTA DALAMKAN PELABUHAN LKIM CHENDERING, DALAM NEGERI, UM -33 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21. | CALLS FOR AGRO-FOOD INDUSTRY TRANSFORMATION, NEWS, THE STAR -5<br>PENIAGA TERPAKSA JUAL 'IKAN KOTAK', NASIONAL, BH -18<br>SAWAH KIAN MEREKAH, LOKAL, HM -25<br>PEMBENIHAN AWAN DIBUAT JIKA ADA KEPERLUAN, NASIONAL, BH -8<br>KEMARAU JEJASKAN PENDAPATAN NELAYAN, BOT SUNGAI NENGGIRI, DALAM NEGERI, UM -29<br>TEMBIKAI LARIS KETIKA CUACA PANAS, DALAM NEGERI, UM -29<br>TUMBESARAN PISANG TERBANTUT, PETANI KERUGIAN RM100,000, DALAM NEGERI, UM -31 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Appointment of five statutory body chairmen by MAFS is based on service | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 12 May 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A19 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 145 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,824 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,472 |




# 农业部委 5 机构主席
# 农长：以服务为考量

（沙登 11 日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布表示，农业部近期委任 5 名希盟领袖出任旗下机构的主席职位，是经由全员讨论的结果，并以受委者的社区服务表现为基准。

"因为这些人是必须是与社区有所接触的人。我们不能选行政类型的人，他们必须了解关于渔夫及农民等的事宜，所以他们之前的社区服务记录最为重要。"

他今日出席农业部开斋茶会时，这么说。出席者包括农业部副部长陈泓缣及副秘书长拿督峇都希山。

莫哈末沙布说，该部除了委任旗下机构的主席，亦遴选了许多专才担任委员。

"他们将一起合作，主席是主持会议，很多诸如沙登大马农业研究院（MARDI）的专才将会参与行动。"

他强调，此举并没有违反团结政府的政策。

### 首相同意 15日起生效

莫哈末沙布说，上述委任已获得首相拿督斯里安华同意，并从本月 15 日起生效。

**农业部委任 5 名机构主席（希盟领袖）**

诚信党副主席马夫兹：农民组织局主席
中委法依兹：渔业发展局主席
霹雳美冷州议员阿米鲁丁：联邦农业销售局主席
行动党中委谢奥马：黄梨工业局主席
公正党瓜拉吉打前国会议员阿兹曼：农业研究院主席

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Subsidy distribution ratio unchanged | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 12 May 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 144 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,840 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,521 |



## 末沙布：補貼發放比例不變

# 雞農10仙供應商70仙

（沙登11日讯）农业及食品安全部长莫哈末沙布指出，该部将继续按照10仙和70仙的比例，向鸡农和供应商发放补贴。

他说，鸡农和供应商需要讨论政府给予的80仙补贴分配，以解决鸡肉和鸡蛋生产成本增加的问题，因为政府没有介入补贴分配协议的谈判。



■莫哈末沙布

“我们仍坚持一年多前实施的规定，即10仙（给鸡农）和70仙（给供应商）。

### 政府沒介入談判

“从部门的角度看来，这是企业对企业的问题，即供应商和鸡农。政府没有参与其中，所以这理应是他们之间的协议。”

莫哈末沙布今日出席部长与部门官员交流会时，这么指出。

媒体早前报导，雪兰莪养鸡业者公会要求政府考虑，以50：50的比例分配有关补贴给鸡农和供应商，称鸡农因负担不起日益增加的运营成本而停业。

另外，针对农业部旗下5机构主席任命一事，莫哈末沙布说，这是考虑到有关人士的社会参与，并与政府最高领导层讨论后，所作出的决定。

“我们不能选择精英人士，（受委者）需要了解稻田、渔夫等课题，他们在社区的记录最重要。”

农业部昨日宣布，行动党中委谢奥马担任黄梨工业局主席、诚信党副主席拿督马夫兹出任农民组织局主席、诚信党中委担任渔业发展局主席、诚信党霹雳美冷州议员阿米鲁丁任联邦农业销售局主席，以及公正党瓜拉吉打前国会议员阿兹曼任农业研究院主席。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Government to stick with current subsidy division ratio of 10 sen for chicken | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 12 May 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 195 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,477 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,432 |



### 鸡农10仙 鸡蛋生产商70仙

# 末沙布：补贴比例维持

（沙登11日讯）政府不会干预鸡农和鸡蛋生产商就分配给他们的补贴所进行的谈判。

农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布表示，该部已为鸡蛋分配了总计12亿8000万令吉的补贴，每个鸡蛋为80仙。

"每个鸡蛋80仙补贴的分配应交由鸡农和鸡蛋生产商自己商定。"

他强调，政府将不会插手此事，并将维持目前的补贴比例，即鸡农获得10仙，鸡蛋生产商为70仙。

莫哈末沙布今日出席农业部开斋茶会时，针对政府被要求重新考虑以50：50的比例，分配给鸡农和鸡蛋生产商的补贴一事，作出上述回应。

他周二（9日）表示，一旦政府的在线系统得到微调，养鸡户很快就可以申请鸡蛋补贴。

他指出，这是为了方便农民在线提交相关申请。

另一方面，农业及粮食安全部副秘书长拿督峇都希山补充，该部正积极处理有关肉鸡和鸡蛋的补贴事宜，相关补贴将持续至今年6月30日。

## 政府不插手谈判

不过，峇都希山表示，农业部认为，鸡农和鸡蛋生产商的谈判是属于企业对企业性质，意即合约农民和集成商之间的协议。

"当他们谈判时，政府没插手，这其实是他们之间的商业协议，所以他们需要有更多谈判，以获得正确的利润分配或是补贴共享。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Chairmen of statutory bodies appointed mainly to chair meetings | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 12 May 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 388 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,687 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 35,061 |





莫哈末沙布（左二）与部门人员交流。（马新社照片）

# 末沙布：政委政府機構主席 “主要負責主持會議”

（沙登11日讯）诚信党主席拿督斯里莫哈末沙布指出，受委担任政府机构要职的政治人物，只是出任主席，主要负责主持会议。

“大部分职位只是主席，而这些机构通常会有许多专家，以提供必要的劝告和意见。

“我们委任任何主席，他们都是（负责）主持会议，但（机构中）仍有许多专家。”

## 指没违反希盟原则

也是农业及粮食安全部长的莫哈末沙布今日出席部门集会和开斋节开放门户活动后，针对及5名希盟领袖受委为农粮部属下机构主席一事作出回应时示，确实会有人针对这些委任作出评论，而他也接受任何评论。

他补充，这些委任并没有违反希盟的原则。

他表示，他们是与相关机构管理层一起参与遴选主席的人选，而有关人选需要参与社群。

“我们不能选一个精英，因为他们必须知道渔夫等事情，因此最重要的是他们参与到社群的记录。”

## 否认“奖励”落选候选人

他也否认有关委任是为了“奖励”那些在去年大选中落选的候选人。

他举例说，有落选的候选人也成了部长。

“在全国大选落选的人成为了内政部长，你们（记者）对此有什么想说的？而且他的表现也相当好。”

莫哈末沙布昨日宣布委任5名希盟领袖出任农粮部属下机构的主席，当中3人来自诚信党，公正党和行动党各一人。

## 政府没涉B2B肉鸡津贴分配

另一方面，针对养鸡业公会指政府提供的每公斤肉鸡80仙津贴大部分是落入中间人口袋的说法，农粮部副秘书长（发展）拿督巴德鲁希山表示，鸡农和集成商公司应针对此分配问题进行协商。

他指出，集成商公司与鸡农之间有关于津贴的分配是基于“商对商”（B2B），政府并没有涉及其中。

出席者包括莫哈末沙布夫人诺玛艾薇。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/5/2023 | THE STAR | NATION | 7 |

# No govt intervention in egg subsidy talks between breeders and producers



**Looks delicious:** Mohamad (second from left) helping himself to satay at his ministry's Hari Raya open house at the Malaysian Agro Exposition Park in Serdang. — Bernama

By MAHADHIR MONIHULDIN
mahadhir@thestar.com.my

**SERDANG:** The government will not involve itself in any negotiations between chicken breeders and egg producers about how to divide the egg subsidies, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said that RM1.28bil in subsidies had been allocated for chicken eggs at a rate of 80 sen each.

"The division of the 80 sen subsidy per egg should be agreed to between the breeders and producers themselves.

"The government will not be involved and will stick with the current subsidy division of 10 sen for chicken breeders and 70 sen for egg producers," he said during his ministry's Hari Raya event at Malaysian Agro Exposition Park here yesterday.

On Tuesday, Mohamad said that chicken farmers would be able to claim their subsidy for chicken eggs once the government's online system was fine-tuned.

He added that this would allow farmers to submit their applications online.

On Feb 22, the minister said prices of chicken and eggs were expected to be floated after June as part of the government's efforts to overcome any food shortage.

On another matter, Mohamad has urged farmers and fishermen to be cautious and look after themselves when working during the current hot weather.

"The current heatwave should not be taken lightly after the death of the 11-year-old child in Kelantan was reported recently," he said.

"Farmers and fishermen are advised to drink lots of water before going out to work."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# KPKM kekalkan formula pembahagian subsidi ayam



**Mohamad (dua dari kiri) melayan tetamu sempena majlis perhimpunan dan ramah mesra bersama warga kementerian itu sempena Aidilfitri 2023 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada Khamis.**

**SERDANG** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan meneruskan formula pembahagian subsidi sedia ada kepada penternak ayam daging dan syarikat pembekal pada nisbah 10 sen dan 70 sen.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penternak ayam dan syarikat pembekal perlu berbincang antara mereka mengenai agihan subsidi 80 sen yang diberikan kerajaan bagi mengatasi kenaikan kos pengeluaran ayam dan telur kerana kerajaan tidak campur tangan dalam rundingan perjanjian pembahagian subsidi itu.

"Kita masih lagi berpegang dengan apa yang dilaksanakan sebelum ini sejak setahun lebih, kita berpegang kepada 10 sen (bagi penternak) dan 70 sen (bagi syarikat pembekal).

"Pada pandangan kementerian, urusan itu adalah *business-to-business*, ertinya antara syarikat pembekal dan penternak. Semasa mereka berurusan, kerajaan tidak terlibat jadi sepatutnya itu persetujuan antara mereka," katanya kepada media pada majlis ramah mesra menteri bersama warga KPKM di sini pada Khamis.

Beliau berkata, perlu ada rundingan antara syarikat pembekal dan penternak untuk mendapat perkongsian keuntungan yang betul namun setakat ini kementerian berpandangan kadar sedia ada akan dikekalkan.

Laporan yang disiarkan media tempatan menyatakan Persatuan Penternak Ayam Selangor mahu kerajaan mempertimbangkan pembahagian subsidi kepada penternak ayam daging dan syarikat pembekal dengan nisbah 50:50 kerana mendakwa ada penternak ayam gulung tikar kerana tidak mampu menanggung kos operasi yang semakin meningkat.

Pada 27 Februari lepas, kerajaan memutuskan untuk meneruskan penyediaan subsidi pada kadar 80 sen sekilogram bagi ayam dan lapan sen sebiji bagi telur sehingga Jun 2023 melibatkan kos sebanyak RM1.28 bilion. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

# 'Lantikan pengerusi baharu bukan sebab kapasiti politik'

**Serdang:** Lantikan pengerusi baharu badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berdasarkan perbincangan bersama kepemimpinan tertinggi dan bukan kapasiti politik.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, mereka yang dilantik hanya mempengerusikan mesyuarat dan ada pakar yang bertindak sebagai penasihat.

Menurutnya, pemilihan dibuat selepas melihat reputasi dan pembabitan pengerusi terbabit dalam masyarakat.

"Jawatan mereka hanya pengerusi, di bawah ada pakar, semuanya bekerjasama. Pengerusi hanya mempengerusikan mesyuarat dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) misalnya, banyak pakar di bawahnya.

"Pembabitan mereka (pengerusi) dalam masyarakat yang utama, kita tak boleh pilih orang berbentuk elit kerana mereka kena ambil tahu hal di bendang, hal nelayan.

"Jadi, rekod mereka dalam masyarakat paling utama," katanya selepas menyempurnakan Majlis Perhimpunan dan Ramah Mesra bersama warga KPKM di Dewan C Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), di sini, semalam.



MOHAMAD menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak yatim dari Rumah Kasih Harmoni pada Majlis Perhimpunan dan Ramah Mesra bersama warga KPKM di MAEPS.

Berhubung latar belakang beberapa pengerusi dilantik yang juga calon kalah dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15), Mohamad berkata, tidak timbul isu lantikan dibuat sebagai ganjaran atau imbuhan buat mereka.

"Banyak kalah dalam PRU jadi menteri sekarang. Apa kamu nak kata dan prestasinya bagus. Jadi itu bukan (pengukur)," katanya.

Terdahulu, Mohamad dalam kenyataan kelmarin mengumumkan pelantikan lima pengerusi baharu badan berkanun bawah kementeriannya berkuatkuasa Isnin depan.

Mereka adalah bekas Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar yang dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Turut dilantik adalah Sheikh Umar Bagharib Ali sebagai Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Dr Azman Ismail sebagai Pengerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) serta Aminuddin Zulkipli sebagai Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

## KEMELUT SUBSIDI AYAM TELUR

# Tak kacau perjanjian pembekal, penternak

**Serdang:** Kerajaan tidak campur tangan dalam rundingan perjanjian antara syarikat pembekal *(integrator)* dan penternak *(contract farmer)* berkaitan agihan subsidi ayam telur.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, subsidi ayam telur masih diuruskan kementerian dan diteruskan sehingga 30 Jun depan dengan kadarnya (subsidi)-kekal iaitu 70 sen kepada syarikat pembekal dan 10 sen buat penternak.

Mohamad berkata, kadar itu kekal sejak lebih setahun lalu dan kerajaan berharap kedua-dua pihak, iaitu syarikat pembekal dan penternak berbincang serta mencapai kata sepakat berdasarkan apa dipersetujui bersama.

"Pada pandangan kementerian, perjanjian itu B2B (perniagaan ke perniagaan). Ertinya, ketika mereka mengikat perjanjian dan berurusan, kerajaan tidak terbabit dan sepatutnya itu persetujuan antara mereka.

"Jadi, perlu ada rundingan antara dua pihak untuk dapat perkongsian subsidi betul," katanya selepas menyempurnakan Majlis Perhimpunan dan Ramah Mesra bersama warga KPKM di Dewan C Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), di sini, semalam.

Menurut Mohamad, terserah kepada kedua-dua pihak dalam mencapai persetujuan hasil rundingan dijalankan.

"Apabila kerajaan bagi subsidi, kita serah kepada perniagaan. Bagaimana untuk berurusan, terserah kepada mereka," katanya.

Terdahulu, media tempatan melaporkan Persatuan Penternak Ayam Selangor memohon kerajaan mempertimbangkan semula pembahagian subsidi kepada penternak ayam daging dan syarikat pembekal dengan nisbah 50-50.

Ia berikutan kehilangan pembekalan ayam hampir 600,000 ekor setahun apabila penternak gulung tikar dan tidak mampu menanggung kos operasi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5 |

Lantikan lima pemimpin politik dalam badan berkanun dibimbangi lenyapkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Perpaduan

# 'Tiada beza pun dengan kerajaan Najib, Muhyiddin'

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN
SHAH ALAM

Dasar Kerajaan Perpaduan akan dilihat tidak jauh berbeza dengan prinsip kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sekiranya amalan agihan jawatan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan berkanun dalam kalangan pemimpin politik dipraktikkan.



HASSAN



MUJAHID

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim berkata, beliau bimbang keyakinan rakyat terhadap agenda reformasi politik dan pentadbiran kerajaan yang dilaung-laungkan Pakatan Harapan (PH) selama ini, semakin terhakis sekiranya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak bertindak segera untuk membendung amalan berkenaan.

Beliau juga tidak bersetuju dengan pandangan amalan 'ghanimah' jawatan politik terpaksa dilaksanakan Kerajaan Perpaduan demi mengukuhkan kestabilannya.

Beliau berpendapat, PH tidak boleh mempraktikkan amalan pelantikan 'ayam-ayam tambatan' parti kerajaan ke jawatan penting GLC dan badan berkanun semata-mata untuk menjaga kepentingan politik serta poket individu berkenaan.

"Dahulu kita (PH) janji pada rakyat bagaimana? Nanti bila amalan ghanimah politik ini sudah jadi 'asal bisa tegal biasa', dah tidak ada beza prinsip kerajaan sekarang ini dengan kerajaan zaman pimpinan Najib atau Muhyiddin.

"Saya tidak boleh terima alasan kerajaan terpaksa amal agihan jawatan GLC, badan berkanun kepada pemimpin politik demi kestabilan kerajaan. Nampak tiada asas sebab sebahagian besar lantikan itu diberi kepada pimpinan politik yang kalah pilihan raya.

"Dari dahulu lagi saya suarakan kesedihan mengenai perkara ini dan bimbang rakyat hilang keyakinan terhadap PH dan Kerajaan Perpaduan.

"Takkan amalan lantik *jack of all trades* atau ayam-ayam tambatan parti politik kerajaan untuk jawatan GLC akan berterusan?" kata wakil rakyat PKR itu kepada *Sinar Premium* pada Khamis.

Beliau mengulas pengumuman terkini Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu yang melantik lima pemimpin politik PH bagi jawatan pengerusi baharu lima badan berkanun di bawah kementerian itu, berkuat kuasa 15 Mei ini.

Pengumuman itu menimbulkan perdebatan dalam kalangan pemimpin PH dan Kerajaan Perpaduan memandangkan amalan agihan jawatan GLC dan badan berkanun kerajaan dilihat berterusan dilaksanakan menteri UMNO dan PH sejak tertubuhnya kerajaan campuran pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Hassan turut mempersoalkan keengganan menteri-menteri dalam Kerajaan Perpaduan mengutamakan pelantikan jawatan penting GLC dan badan berkanun dalam kalangan pakar atau tokoh teknokrat yang sememangnya berpengetahuan luas dalam bidang diterokai syarikat kerajaan berkenaan.



**Pengumuman Mohamad (tiga dari kanan) melantik lima pemimpin PH bagi menggalas jawatan pengerusi baharu bagi lima badan berkanun di bawah KPKM menimbulkan persoalan dalam kalangan pemimpin parti dalam Kerajaan Perpaduan sendiri.**

### Ramai keliru

Pandangan Hassan bagaimanapun ditolak Naib Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof yang menegaskan pelantikan lima pemimpin PH itu tidak seharusnya dipolitikkan.

Tegasnya, ramai terkeliru dengan asas pendirian PH sebelum ini yang tidak menyatakan lantikan jawatan tertinggi badan berkanun termasuk dalam kempen koalisi itu menolak sebarang usaha pelantikan jawatan GLC untuk pemimpin politik.

"Lima pemimpin PH yang dilantik oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bukan melibatkan jawatan syarikat GLC, sebaliknya badan berkanun yang tidak terikat dengan tanggungjawab terhadap Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

"Lagi satu, ramai tidak faham pelantikan jawatan politik bagi syarikat badan berkanun berbeza dengan prinsip lantikan jawatan untuk syarikat GLC.

"PH tidak pernah kata, kita menolak sebarang pelantikan politik untuk jawatan badan berkanun, cuma GLC yang kita tidak terima.

"Lagipun, kelima-lima pemimpin Amanah dan DAP yang dilantik memang ada merit dan sangat layak untuk jawatan digalas. Jadi apa isunya?" ujarnya.

Mujahid yang juga Pengerusi PH Perak turut meminta rakan parti dalam Kerajaan Perpaduan terutama UMNO supaya tidak mempertikaikan pelantikan itu yang sememangnya berasaskan autoriti yang sah.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Drop in number of turtle eggs on Labuan marine parks a cause for concern | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 12 May 2023 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 1 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 135 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 753 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,259 |



# Drop in number of turtle eggs on Labuan marine parks a cause for concern

**LABUAN:** The number of turtle eggs at Labuan's marine parks has dwindled by 19.6 percent, possibly due to an increase in sea transport (vessel and passenger boat) traffic, climate change and sea pollution.

Labuan Fisheries Department director Faizal Ibrahim Suhaili said 2,864 eggs were found in 2021, compared with 2,302 in 2022.

He said the islands of Kuraman, Rusukan Besar and Rusukan Kecil are homes for hawksbill turtle [Penyu Karah] (Eretmochelys Imbricata) and green turtle [Penyu Agar] (Chelonia Mydas), with 20 nests found on the beaches in 2021, before dropping to 19 throughout last year.

"We are taking steps to ensure our beaches at marine parks are safe for turtle landing, but we must admit, there are factors that are beyond our control like climate change and the increase in sea traffic and sea pollution that can contribute to the decline in the sea turtle landing on our beaches," he told Bernama yesterday.

Faizal Ibrahim said the number of egg hatchings recorded last year was 2,061 compared to 2,646 in 2021.

A study by SeaWorld Parks revealed that for most sea turtle species, undisturbed nests can have more than 90 percent of the clutch successfully hatch, while nests disturbed by humans or animal predators tend to have a 25 percent or even much lower success rate.

Meanwhile, Faizal Ibrahim said his department's team has found 52 eggs of hawksbill turtle at Pohon Batu beach last year with 48 successfully hatched and released to the wild.

He said from January to March this year, a total of 1,332 hawksbill turtle egg were found in Pulau Kuraman and Rusukan Besar.

"We found 11 nests in the two islands, with 672 eggs in five nests found in January, three nest each in February and March with 660 cumulative eggs were collected," he said.

Faizal Ibrahim reminded members of the public to work closely with the Fisheries Department to protect the endangered species from extinction. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |


# China masih perlu import durian Malaysia – MARDI

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID
utusannews@mediamulia.com.my




CHINA akan terus mengimport durian Malaysia kerana penghasilan raja buah di republik itu belum mencukupi untuk menampung permintaan rakyatnya.

**SERDANG:** Pengeluaran durian China tidak menjejaskan aktiviti eksport mahupun pendapatan pekebun atau pengusaha raja buah tempatan ke republik itu untuk sekurang-kurangnya 10 tahun akan datang.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, ini berikutan penanaman durian di Pulau Hainan dengan keluasan lebih 2,000 hektar dengan penghasilan kira-kira 2,450 tan durian semusim itu belum tentu cukup untuk menampung permintaan rakyat China.

Sehubungan itu, katanya, China masih perlu mengimport durian dari Malaysia bagi memenuhi permintaan rakyatnya yang gemar makan durian.

"Tidak perlu bimbang, mereka tanam tidak seluas mana pun jika mahu dibandingkan dengan jumlah penduduk republik itu. Jauh sangat.

"Walaupun mereka cadang untuk memperluaskan tanaman kepada 3,333 hektar dengan pengeluaran kira-kira 67,000 tan metrik durian pun belum tentu cukup untuk rakyat mereka," katanya ketika ditemu bual *Utusan Malaysia* di pejabatnya di sini, baru-baru ini

Sebelum ini, khabar mengenai China bakal memasarkan durian tempatan melalui projek ladang durian di Pulau Hainan mencetuskan kebimbangan mengenai nasib durian tempatan yang kini banyak dieksport ke negara itu.

Menurut Mohamad Zabawi, China perlu menunggu sekurang-kurangnya empat tahun lagi sekiranya mahu menambah pengeluaran buah durian untuk mendapatkan hasil berganda.

"Misalnya, selepas empat tahun, sudah masuk tahun kedua dan boleh menghasilkan lebih banyak durian. Contoh, dalam 10 tan, paling-paling tidak pun dalam dua atau tiga kontena sahaja. Daripada jumlah itu kita masih boleh mengeksport durian ke China kerana jumlah itu masih tidak dapat memenuhi permintaan peminat raja buah di republik itu.

"Bahkan, orang China amat menggemari durian kita berbanding Thailand. Selain itu berdasarkan dapatan kajian yang pernah kita lakukan, 95 peratus rakyat republik itu menyatakan durian Malaysia lebih baik berbanding Thailand," ujarnya.

Tambahnya, teknologi serta penyelidikan di Malaysia mengenai penanaman durian lebih maju sekali gus masih meletakkan negara ini pada kedudukan yang baik sebagai pengeksport durian.

"Kita ada pakej teknologi penanaman sedangkan China baru belajar dan itu saya rasa tidak perlu ada kebimbangan dalam pasaran durian negara," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | UTUSAN MALAYSIA | RENCANA | 16 |



# Eksport durian ke China terjejas Jun ini?

**MUKADIMAH**

SEJAK 2019, barulah China membenarkan Malaysia mengeksport durian dalam bentuk buah penuh berbanding sebelum itu, hanya sejuk beku merangkumi pulpa dan biji.

Ekoran itu, jumlah eksport raja buah ke Tembok Besar Cina itu meningkat daripada 224,400 (2017) kepada 821,500 tan metrik pada 2021, iaitu 42.7 peratus setahun dan dijangka terus meningkat setiap tahun.

Namun, sejak hebohnya berita mengenai penanaman durian di China akan mengeluarkan hasilnya yang pertama, bulan depan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengusaha durian tempatan ekoran berkemungkinan eksport ke republik itu akan berkurangan.

Bagi Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), **DATUK DR. MOHAMAD ZABAWI ABDUL GHANI**, beliau percaya Malaysia masih berpotensi mengeksport durian berdasarkan peningkatan permintaan peminat durian dari China selain negara ini memiliki varieti bermutu tinggi hasil penyelidikan agensi berkenaan.

Ikuti temu bual wartawan *Utusan Malaysia*, **AQILAH MIOR KAMARULBAID** serta jurufoto, **FAUZI BAHARUDIN** mengenai isu ini.

**UTUSAN: 2023 dianggap tahun yang digeruni peniaga durian kerana ia boleh jadi 'pengakhiran' buat pekebun dan peniaga raja buah itu. Komen?**

**MOHAMAD ZABAWI:** Ia digeruni peniaga durian tempatan kerana dilaporkan China telah menanam 2,000 hektar durian di Pulau Hainan dan dijangka 2,450 tan metrik buah akan dituai pada Jun ini. Walaupun jumlah ini kecil berbanding sebanyak 825,000 tan durian diimport China pada tahun lalu, ia dilihat berpotensi untuk mengurangkan import buah durian Malaysia oleh negara itu.

**Apa kesan kepada negara?**

China ini unik. Negara mereka luas dan di sebelah selatan memiliki cuaca lebih kurang sama macam kita, silap-silap boleh tanam kelapa sawit. Tapi tidak perlu bimbang sebab mereka tanam tidak luas mana pun jika nak dibandingkan dengan jumlah penduduk negara itu, jauh sangat.

Jadi, pekebun tempatan tidak perlu bimbang. Walaupun China menghasilkan durian sendiri, mungkin akan terdapat perbezaan dari aspek rasa, kualiti dan sebagainya kerana faktor luaran penanaman seperti cuaca, tanah dan amalan penanaman berbeza.

Kajian MARDI pada 2018 menunjukkan 95 peratus pengguna China menggemari durian Malaysia berbanding Thailand. Selain China, durian kita yang premium dan berkualiti mampu menarik




**KAJIAN MARDI pada 2018 menunjukkan 95 peratus pengguna China menggemari durian Malaysia berbanding Thailand. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN**

pelanggan dan pasaran baharu dari negara-negara lain.

Pun begitu, permintaan durian di China sangat besar dan masih berkembang. Pada 2017, China import 224,400 tan metrik durian dan meningkat kepada 821,500 tan metrik pada 2021. Berdasarkan jumlah itu, mereka mungkin tidak dapat memenuhi permintaan dan masih ada pasaran untuk durian Malaysia di China. Permintaan akan selari dengan penambahan populasi, kuasa beli pengguna dan pengaruh pasaran.

> **"Walaupun China menghasilkan durian sendiri, mungkin akan terdapat perbezaan dari aspek rasa, kualiti dan sebagainya."**

**China sudah tanam durian sendiri, MARDI pula banyak penyelidikan mengenai durian hibrid dan menghasilkan durian MDUR88, MDUR79 serta MDUR78. Namun, masih ramai pekebun yang tidak tahu mengenainya. Apa sebab?**

Sebenarnya ramai orang tanam, cuma kita tiada data kerana ada yang beli melalui ekspo dan sebagainya. Pekebun ini tanam 10 pokok, pekebun itu tanam 10 pokok dan ditanam secara berselerak. Kita ada jual dekat ekspo, orang beli 15 atau 20 pokok dan tanam berselerak. Sebenarnya varieti durian MARDI ada di mana-mana.

Malah beberapa tahun kebelakangan ini, sejak hebahan secara aktif dilakukan di pelbagai medium media massa, semakin ramai petani tanam durian hibrid MARDI dan MARDI laksanakan program perintis dan projek kerjasama bersama Unit Perancangan Ekonomi (UPEN) Selangor bagi membantu meningkatkan kawasan penanaman durian hibrid MARDI. Projek yang bermula sejak 2021 menyasarkan penanaman hingga 410 hektar kawasan ditanam dengan durian hibrid MARDI.

Durian kami mempunyai keistimewaan tersendiri. Sebagai contoh, MDUR88 merupakan klon durian yang mempunyai ketahanan kepada penyakit kanker berbanding klon popular, Musang King. Klon ini juga mempunyai berat boleh diproses yang tinggi sebanyak 70 peratus kerana isi ulas yang tebal seperti D24 dan amat sesuai untuk dijadikan pes bagi industri pemprosesan.

Potensi pasaran bagi pemprosesan produk adalah lebih tinggi berbanding segar. Buah durian hibrid MARDI sedang diperkenalkan semula dengan kerjasama pemain industri melalui kaedah pasaran yang lebih berkesan.

**Tapi jika dilihat, peniaga tidak mempromosi sebagai durian MDUR?**

Ya. Saya ingat MDUR ini tahun 1990-an dilancarkan di Terengganu. Kita cuba nak buat penjenamaan semula dengan beberapa penambah baikan.

Kalau ikutkan, Musang King sebenarnya D197 tapi bila sudah tambah baik oleh pekebun Cina di Raub, Pahang, dijenamakan semula sebagai Musang King. Itu saja, bukan mereka buat klon baharu. Klon baharu mengambil masa sekurang-kurangnya 10 hingga 15 tahun, nak *cross* (pembiakan silang) sana, nak *cross* sini. Kalau dalam satu kebun ada dua varieti durian dan kalau *cross* mana-mana, ia jadi satu varieti lain dan bubuh nama.

Sebab tu sekarang kita ada projek di bawak Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), kita ambil petani-petani, sekurang-kurangnya kita ada

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | UTUSAN MALAYSIA | RENCANA | 17 |

rekod. Kalau petani ada tanah dalam tiga ekar, kita bagi percuma 100 batang pokok MDUR bagi mereka tanam. Sasaran kita pada 2025 nak ada 8,000 pokok MDUR.

Sekarang ini pun saya arahkan semua stesen MARDI yang buat cantuman benih perbanyakkan benih-benih ini. Kalau orang beli sekurang-kurangnya kita ada rekod.

**Kekangan untuk memperluaskan durian hasil penyelidikan MARDI?**

Penyelidikan durian mengambil masa yang panjang kerana ia dikategorikan sebagai tanaman jangka masa panjang. Ia memberi cabaran dari segi masa, kos dan perubahan permintaan pengguna dan pasaran.

Nak buat klon, lama, kemudian nak jenamakan semula perlu juga tengok. Bukan takat tukar nama bagi sedap-sedap tapi benda itu jadi benda yang lama, ada sedikit penambahbaikan atau kualiti di situ.

Cabaran juga dihadapi dari sudut ketersediaan petani, pemborong, syarikat pemasar dan pengguna tempatan dalam menerima dan menggunakan teknologi yang dihasilkan.

Dahulu pekebun tidak mempunyai tanah yang luas. Dahulu mereka tanam di belakang atau tepi rumah, mungkin dalam 10 pokok. Dekat situ mungkin kekangan bagi orang dahulu kerana tidak memiliki tanah luas.

Selain itu, kekangan dari segi nak hasilkan benih. Ia bukan proses seminggu, dua boleh tanam, sekurang-kurang bila keluar tunas selepas kita cantum ambil masa tiga bulan. Kemudian nak tunggu besar untuk dijual.

Sekarang kita

> **"Bila tidak menerima air, pokok akan 'tertekan' dan akhirnya mengeluarkan bunga."**

perbanyakkan benih. Saya beritahu, buat sahaja seberapa banyak benih kerana makin besar, makin mahal harganya.

**Eksport durian merupakan antara penyumbang kepada pendapatan negara. Ada buat penyelidikan untuk durian berbuah sepanjang tahun?**

Nak bagi berbuah dekat pokok agak sukar sebab pokok ini nak bagi berbunga. Kita perlu beri 'tekanan' kepada pokok durian atau kecuali kita kawal betul-betul dengan tidak memberi air. Tapi agak sukar kerana ada yang terkena hujan. Bila tidak menerima air, pokok akan 'tertekan' dan akhirnya mengeluarkan bunga.

Lebih mudah jika tanaman mengikut zon. Lepas Terengganu berbuah, tidak lama kemudian Pahang pula. Tapi kalau nak sentiasa ada, kita ada teknologi penyimpanan durian iaitu melalui kaedah pembekuan kriogenik. Kita boleh sejuk beku buah bulat sehingga enam bulan. Jadi, harga tidak akan turun sebab buah sentiasa ada di pasaran sepanjang tahun.

**Kenapa tidak jalin kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)?**

Untuk spesifik durian memang ada (kerjasama). FAMA akan ambil daripada mana-mana petani tetapi untuk durian klon, selalunya penanam jual sendiri sebab dapat harga lebih tinggi.

**Kalau begitu, susahlah nak promosi MDUR?**

Sebab itu kena ada sistem bagaimana FAMA boleh mainkan peranan. Mungkin buat kerjasama seperti FAMA banyak bilik sejuk dan dari situ dengan teknologi kriogenik tadi, kita boleh gunakan bilik sejuk mereka untuk simpan stok durian.

**Bagaimana mahu menggalakkan petani menanam durian hasil penyelidikan MARDI yang mempunyai potensi besar?**

Seperti saya cakap tadi, melalui program kita dan kalau boleh sambung dan perluaskan lagi sebab benih kita sudah bagi percuma dan ini peranan Pengarah MARDI negeri untuk cari mereka yang berpotensi.

Dalam masa sama, kita teruskan nasihat teknikal. Projek ini bermula pada 2021 dan 2022 kita baru dapat sikit.

Kita juga akan terus promosi dan kempen di pelbagai platform termasuk media sosial melibatkan pempengaruh mahupun media antarabangsa.

Kita akan lakukan penjenamaan semula dan menyertai pertandingan baka durian terbaik di peringkat komuniti dan industri. Selain itu, kita akan meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Pertanian seperti melalui Panel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG).

**Apa yang petani perlu tahu (keistimewaan) durian hasil penyelidikan MARDI?**

Selain cita rasa durian ini tidak manis sahaja, masih ada rasa pahit-pahit, harga lebih murah berbanding Musang King. Jika dilihat harga jauh lebih berbaloi dan memang berpatutan.

Selain itu, klon MDUR mempunyai tahap ketahanan yang tinggi kepada penyakit kanker durian (*Phytophthora palmivora*) dan serangan serangga perosak terutama ulat pengorek buah seperti *Lepidoptera*.

**Bagaimana caranya jika pekebun mahu menanam durian hasil penyelidikan MARDI?**

Boleh dapatkan di pusat jualan biji benih di ibu pejabat atau stesen MARDI. Harga bermula RM20 sehingga RM100 mengikut saiz.

**Sejak dilantik sebagai Ketua Pengarah MARDI pada 8 Jun 2021, apa perubahan yang telah dan akan Datuk lakukan untuk memastikan agensi ini terus relevan?**

Dari awal menjawat jawatan ini, saya nak kekalkan konsep 70:30, iaitu 70 peratus *public good* (gunaan awam) dan 30 komersial sebab saya pentingkan kepada petani-petani yang memerlukan bimbingan, sokongan. Mereka nak teknologi yang berbentuk *public good*.

Kalau kata teknologi, kita akan fokus formulasi baja di bawah syarikat dan petani.

Selain itu terus fokus pada visi, misi dan teras rancangan strategik korporat (CSP) yang baharu ditetapkan untuk 2021 hingga 2025 melalui lima teras, 19 strategik dan 100 pelan tindakan yang telah digariskan.

Bagi mencapai apa yang telah ditetapkan negara, beberapa projek di bawah RMK12 sedang giat dilaksanakan, antaranya membangunkan tanaman bawang yang sebelum ini tidak diberikan penekanan.

Selain itu, bagi mengatasi isu permintaan benih tanaman kelapa tempatan yang tinggi, MARDI juga memberi penekanan khusus meningkatkan pengeluaran benih melalui projek perluasan pembangunan kebun benih.

MARDI juga meneruskan penyelidikan bagi pengembangan inovasi teknologi Ayam Kampung Saga yang merupakan baka tempatan sebagai alternatif untuk industri ternakan ayam negara.

Kita tidak mahu penemuan MARDI setakat kalau masuk pertandingan, menang emas, menang perak, menang gangsa. Kita nak terjemahkan ke lapangan.

Dan kalau buat sesuatu itu biar cepat, jangan tangguh. Kalau ada orang nak jumpa, terus kita buat. Kalau boleh, biar saya sendiri jumpa orang itu sebab dia akan lebih berpuas hati dan menganggap ketua pengarah ambil berat dan kemudian barulah saya arahkan pegawai berkaitan.

Saya nak bergerak cepat.



PENIAGA durian tempatan mulai bimbang pendapatan mereka terjejas berikutan laporan China telah menanam 2,000 hektar durian di Pulau Hainan dan dijangka 2,450 tan metrik buah akan dituai pada Jun ini. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |



**Tanam padi**

**PESAWAH menggunakan jentanam atau *transplanter* untuk mananam padi secara lebih sistematik. Selain menjimatkan masa, kaedah moden itu juga mampu meningkatkan hasil padi di Kampung Lat 1,000, Simpang Empat, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/ MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**

Menyebabkan negara rugi RM1.8b setahun akibat terpaksa import beras

# Sistem tanaman padi tidak efisien

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**ARAU:** Kaedah penanaman padi konvensional yang tidak efisien menyebabkan Malaysia kerugian RM1.8 bilion setahun kerana mengimport satu juta tan beras bagi menampung keperluan tempatan.

Konsep '5P' iaitu tanam, tinggal, tuai, telefon dan tawakal sekarang perlu diubah kepada penggunaan pertanian pintar.

Ini terbukti apabila kaedah Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan berjaya menghasilkan tujuh sehingga 11 tan metrik padi per hektar semusim sekali gus mengatasi pengeluaran di negeri-negeri lain.

Ini adalah peningkatan hasil lebih 200 peratus berbanding pengeluaran di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang merupakan Jelapang Padi negara dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) iaitu sekitar dua hingga lima tan metrik sahaja setiap hektar.

Jika petani di kawasan MADA dan KADA menggunakan kaedah seperti di Sekinchan Malaysia tidak lagi perlu mengimport beras, malah kemungkinan boleh jadi pengeksport.

Kaedah yang lebih berkesan itu bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada import tetapi mampu merealisasikan hasrat kerajaan meningkatkan pendapatan petani melalui eksport hasil pertanian.

Bersambung di muka 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Sistem tanaman padi tidak efisien

Dari muka 1

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu semalam berkata, tidak mustahil Malaysia boleh menjadi antara negara pengeksport beras pada masa depan sekiranya hasil padi yang diusahakan di keseluruhan kawasan tanaman seluruh negara itu mampu mencapai tujuh sehingga 11 tan metrik bagi setiap keluasan satu hektar.

Malah katanya, Malaysia juga mampu mencapai 100 peratus kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara jika penghasilan padi bagi setiap kawasan yang diusahakan mencapai tahap itu.

Menurut beliau, pada masa ini, negara terpaksa mengimport kira-kira 35 peratus lagi beras bagi menampung keperluan rakyat Malaysia.

"Kalau kita mampu capai penghasilan tujuh sehingga 11 tan metrik per hektar di kawasan MADA dan KADA antaranya, kita telah mencukupi keperluan beras negara. Kalau kita capai sasaran itu di MADA dan KADA, kita juga boleh menjadi pengeksport beras kelak," tambahnya.

Justeru, Mohamad berharap inisiatif seperti program SMART SBB yang mampu meningkatkan hasil antara tujuh sehingga 11 tan metrik per hektar itu dapat diperluaskan lagi di seluruh negara dan mendapat kerjasama para pesawah.

"Ini kerana kalau kita lihat hasil di Sekinchan menerusi program SMART SBB itu mampu menghasilkan tujuh sehingga 11 tan metrik per hektar sedangkan di kawasan MADA) pula hanya sekitar lima tan metrik," katanya.



MOHAMAD Sabu memandu jentanam selepas meninjau program SMART SBB di Kampung Lat 1,000, Simpang Empat, Arau, Perlis. - UTUSAN/HAFIZ ABD. MUTALIB

SMART SBB mula diperkenalkan pada awal tahun 2021 dan adalah salah satu inisiatif Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk meningkatkan SSL beras negara.

Setakat ini, program tersebut telah dilaksanakan di kawasan seluas 11,000 hektar di seluruh negara melibatkan 4,000 pesawah dengan sasaran keseluruhan 240,000 pesawah terlibat dengan program SMART SBB itu.

Tambah Mohamad, sudah tiba masanya pesawah di negara ini bekerja sepenuh masa sebagai pe sawah dan menggunakan teknologi pertanian pintar.

"Kaedah itu bukan sahaja menjimatkan masa dan tenaga di samping dapat meningkatkan hasil tuaian padi, selain telah digunakan di negara lain seperti China," katanya.

Dalam pada itu, bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azman Mahmood berkata, kebanyakan beras diimport dari Vietnam, Thailand, India, Pakistan, Kemboja dan Jepun.

Katanya, keperluan beras negara bagi menampung penduduk adalah sekitar 2.4 juta tan metrik setahun dengan anggaran seorang penduduk menggunakan sebanyak 79 kilogram makanan ruji tersebut dalam tempoh itu.

"Konsep pertanian pintar dengan penggunaan peralatan moden untuk meningkat kuantiti dan kualiti perlu dipertingkatkan berbanding terus guna kaedah konvesional dalam membantu meningkatkan hasil," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Peruntukan RM3 juta dalamkan Pelabuhan LKIM Chendering

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan negeri Terengganu menyediakan peruntukan RM3 juta bagi melaksanakan projek mendalamkan Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Chendering, tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, peruntukan tersebut diluluskan kerajaan negeri pada Belanjawan Terengganu 2023 lalu.

Menurutnya, pada masa ini, proses teknikal sedang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum kerja-kerja mendalamkan pelabuhan itu bermula.

"Oleh itu, satu tindakan perlu dilakukan untuk membantu golongan tersebut agar lebih banyak bot boleh masuk mendaratkan ikan ke pelabuhan itu pada masa akan datang.

"Kerja-kerja mengorek alur laluan pelayaran akan dilaksanakan dan pada masa sama kita berharap Kerajaan Pusat dapat mempercepat projek menaik taraf pemecah ombak dan infrastruktur di pelabuhan seperti yang diumumkan sebelum ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.



NELAYAN menghadapi kesukaran mendaratkan ikan di Pelabuhan LKIM Chendering, Kuala Terengganu yang cetek. – UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan keluhan golongan nelayan yang kecewa kerana tidak dapat mendaratkan ikan di pelabuhan tersebut kerana keadaan kuala yang semakin cetek dan sempit.

Menurut nelayan, sebanyak 150 bot dapat menggunakan kemudahan di pelabuhan itu sebelum ini, namun, semakin berkurangan kepada hanya 30 bot berikutan masalah mendapan pasir gagal diselesaikan.

Dr. Azman berkata, masalah di pelabuhan itu antara yang menjadi keutamaan kerajaan negeri sejak Mei 2018 kerana ia menjejaskan aktiviti nelayan dan mengurangkan jumlah pendaratan ikan di Terengganu.

"Pada 2021, kerajaan negeri bersama LKIM Terengganu mengemukakan kertas cadangan naik taraf dan pembangunan semula Pelabuhan LKIM Chendering kepada menteri bertanggungjawab ketika itu iaitu Datuk Seri Dr. Ronald Kiande.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | THE SUN | NEWS | 5 |

# Calls for agro-food industry transformation

## Urgent measures needed to close security gap

**AGRICULTURE**

**PETALING JAYA:** Malaysia should give urgent policy attention and implement measures to transform the country's agro-food industry to close the food security gap, says TA Research.

In its recent study, the brokerage said while Malaysia had made impressive progress over the years through various policy measures to address food security, much work needed to be done in order to ensure sustainable and equitable economic growth.

"The government and relevant stakeholders must adopt a strategic and proactive approach to address the challenges ahead, with the aim of achieving a robust, sustainable, and equitable food system for all Malaysians," TA Research wrote.

"In addition to its high reliance on food imports, Malaysia is also exposed to extreme climate events amid low productivity and slow adoption of new technologies within the agro-food industry.

"If not managed well, these vulnerabilities could affect adequacy and pricing of food during period of shocks," it added.

As such, urgent policy attention and supply side measures to transform the agro-food industry should be undertaken to close the gap, thereby ensuring sustainable and equitable economic growth for the country.

TA Research recommended four policy considerations that Malaysia could undertake to not only address food security, but also making the country more resilient in agriculture and food industry.

These include agriculture land reform; greater use of technology to improve productivity in the agricultural sector; expanding domestic production especially on fertilisers and feedstocks; and incentivising quality investments in the agro-food sector.

> "Driven by food import dependency and an underdeveloped agro-food sector, Malaysia has been recording larger food trade deficits over the years."
> TA Research

With an overall score of about 70% last year, Malaysia currently ranked 41st among 113 countries in terms of food security based on an international benchmarking exercise using the 2022 Global Food Security Index, as released by the Economist Impact.

The moderate score put Malaysia on the eighth rank among Asia-Pacific countries and second among South-East Asian countries.

TA Research said Malaysia's heavy reliance on imported food made it vulnerable to fluctuations in the prices of these products globally.

In addition, the depreciation of the ringgit could also exacerbate the inflationary impact from imported food.

"Driven by food import dependency and an underdeveloped agro-food sector, Malaysia has been recording larger food trade deficits over the years.

"Its fastest increase in imports compared to exports has led to a RM26.3bil trade deficit in food products in 2022," TA Research said.

"Post Covid-19, the country has been recording a record high annual food deficit of more than RM20bil per annum," it added.

Since 2000, Malaysia had accumulated a total food deficit of RM310.5bil, with a cumulative RM790.5bil for imports and RM480bil for exports, TA Research pointed out, citing data from the Statistics Department.

"Several factors have contributed to Malaysia's high dependence on imported food. One primary reason is the country's limited arable land, making it challenging to produce enough food to meet the needs of its population.

"Additionally, the growing middle class has led to an increase in demand for higher quality food products, which often require importing from other countries," it said.

To address this issue, the government had implemented various measures to reduce the impact of imported food on inflation.

For instance, it had implemented price controls on essential food products such as chickens and eggs to keep prices affordable.

Additionally, the government had invested in programmes to promote the growth of domestic agriculture, with the goal of reducing the country's reliance on imported food.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# Peniaga terpaksa jual 'ikan kotak'

## Cuaca panas, angin kencang jadi punca kekurangan bekalan

Oleh Ali Iqbal
bhnews@bh.com.my

**Batu Pahat:** "Harga (ikan) yang datang sudah mencecah RM18 sekilogram. Kalau jual RM20, nanti kami kena saman," kata Taufik Omar, peniaga ikan di Pasar Awam Batu Pahat berikutan kekurangan bekalan bahan mentah itu disebabkan keadaan cuaca panas dan angin kencang sejak beberapa hari lalu.

Kebanyakan mereka yang ditemui mengakui terpaksa membeli 'ikan kotak' (ikan sejuk beku) bagi menampung keperluan dan bekalan untuk pengguna di sekitar daerah ini.

Katanya, harga ikan kembung antara yang dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak boleh dijual melebihi RM17 sekilogram.

"Sejak beberapa hari lalu, kami ada menjual ikan kotak dari Thailand dan Indonesia. Sebelum ini, bekalan ikan mudah diperoleh dari Mersing, Johor, Pulau Pangkor, Perak dan Kemaman, Terengganu," katanya ketika ditemui.

Taufik berkata, ketika ini, harga ikan lolong bersaiz besar (lima hingga enam ekor sekilogram) sudah mencecah RM14 hingga RM15 sekilogram.

"Ikan merah pula kalau sebelum ini saya jual RM40, tetapi sekarang sudah mencecah RM45 sekilogram. Sebab itulah peniaga di sini pening dan terpaksa menjual harga lebih tinggi," katanya.



Peniaga ikan di Pasar Awam Batu Pahat berdepan kekurangan bekalan bagi menampung keperluan pengguna.
(Foto Ali Iqbal/BH)

### Bekalan terlalu sedikit

Seorang lagi peniaga dikenali sebagai James berkata, beberapa hari kebelakangan ini, dia pulang awal berbanding hari biasa kerana bekalan ikan yang diperoleh terlalu sedikit.

"Saya tiada pilihan, terpaksa jual ikan kotak. Sepanjang minggu ini harga borong ikan pelaling ialah RM17 berbanding harga ikan kotak hanya RM12 sekilogram.

"Sudah empat hari saya mengambil ikan kotak, itupun tidak banyak seperti kebiasaan. Kalau ambil ikan tempatan, susah untuk dijual kerana harganya jauh lebih tinggi," katanya yang mendapatkan bekalan ikan dari pasar borong dekat sini.

Antara ikan kotak biasa diambil peniaga ialah tongkol, cencaru, selayang, pelaling dan lolong.

Sementara itu, tinjauan di Pasar Awam Batu Pahat kira-kira jam 10 pagi mendapati kebanyakan peniaga pulang awal berbanding hari biasa, 12 tengah-hari.

Malah, hasil tinjauan juga mendapati kebanyakan ikan dijual lebih kepada ikan bersaiz besar seperti merah, pari dan siakap.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 25 |

# SAWAH KIAN MEREKAH



KEADAAN tanah sawah padi yang kering dan merekah di Kampung Pengkalan Pauh, Bachok. Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Pembenihan awan dibuat jika ada keperluan



*Cuaca panas kering yang melanda Kelantan sejak bulan lalu menyebabkan tanah sawah di Kampung Pengkalan Pauh, Bachok merekah.* (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

**Machang:** Kerajaan hanya akan melakukan proses pembenihan awan sekiranya ada keperluan dan mendapat permohonan daripada mana-mana negeri.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata proses pembenihan awan mempunyai mekanisme tertentu.

"Untuk proses pembenihan awan, ia dilakukan apabila ada keperluan. Seperti di Pulang Pinang dibangkitkan keperluan pembenihan awan, maka ia dibantu Kerajaan Persekutuan.

"Kalau ada keperluan, kita akan aturkan. Bergantung kepada permohonan negeri kerana ada mekanisme tertentu," katanya pada sidang media selepas menghadiri Townhall Madani di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Machang, di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, kerajaan dan rakyat perlu bersama-sama melakukan persediaan awal bagi menghadapi fenomena El-Nino kuat yang diramal Jun ini, bagi meminimumkan impak fenomena itu.

## Elak panik melampau

Pakar alam sekitar, Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, berkata persiapan awal meliputi semua aspek perlu bagi mengelakkan kepanikan melampau.

Berdasarkan rekod setakat 2015, El-Nino pernah melanda negara sebanyak 12 kali iaitu sejak 1951 hingga 1952 dan kejadian yang paling teruk ialah pada 1997 hingga 1998 apabila catatan suhu tertinggi 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998.

Pada 2 Mei lalu, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjalankan Operasi Pembenihan Awan di kawasan tadahan Empangan Teluk Bahang serta Empangan Teluk Air Itam di Pulau Pinang yang turut membabitkan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara dan Kerajaan negeri Pulau Pinang.

> Untuk proses pembenihan awan, ia dilakukan apabila ada keperluan. Seperti di Pulang Pinang dibangkitkan keperluan pembenihan awan, maka ia dibantu Kerajaan Persekutuan



***Nik Nazmi Nik Ahmad,***
*Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/5/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Kemarau jejaskan pendapatan nelayan, bot Sungai Nenggiri

**GUA MUSANG:** Kemarau dan taburan hujan rendah menyebabkan air Sungai Nenggiri di sini semakin surut sekali gus menjejaskan pendapatan jurumudi bot dan nelayan yang menjadikan kawasan itu sebagai sumber utama rezeki bagi menyara keluarga.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, beting pasir dan batu-batuan yang terdapat di dalam sungai berkenaan mulai timbul di permukaan.

Seorang jurumudi bot, Shaari Mustapa, 55, berkata, sejak kemarau melanda kawasan berkenaan, dia berpaksa 'berehat' buat seketika daripada menjalankan aktiviti tersebut bagi mengelakkan kerosakan.

Menurutnya, hanya mereka yang mahir akan meneruskan pekerjaan tersebut untuk menghantar penumpang atau menangkap ikan.

"Saya berpengalaman membawa bot lebih 40 tahun dan sudah mengetahui selok-belok arus Sungai Nenggiri.

"Kebanyakan orang baharu atau orang luar akan berhenti membawa bot di sungai ini ketika air surut kerana banyak cabarannya termasuklah kawasan sungai banyak beting pasir, tunggul kayu dan batu besar," katanya ketika ditemui di Kampung Bertam Baru di semalam.



SEORANG penduduk membetulkan kedudukan botnya selepas air Sungai Nenggiri, Gua Musang, Kelantan mulai kering akibat kemarau. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Sementara itu Muhamad Fakhry Sharif, 27, memberitahu, dia terpaksa meneruskan pekerjaan sebagai nelayan sungai dan jurumudi bot bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Katanya, walaupun berdepan risiko namun dia tetap berhati-hati kerana bot merupakan sumber mata pencariannya.

"Kami mengesan Sungai Nenggiri surut lebih dua meter sejak awal minggu ini.

"Kami berharap cuaca panas ini tidak berpanjangan dan kami dapat meneruskan aktiviti di kawasan Sungai Nenggiri seperti biasa. Selain menoreh getah dan berkebun, ramai penduduk menjadi nelayan sungai untuk menampung keperluan hidup," jelasnya.

dilapiskan dengan bungkusan nangkapnya," ujarnya.



## Tembikai laris ketika cuaca panas

**PERMINTAAN tembikai di sebuah kebun di Tehel, Jasin Melaka meningkat 20 peratus berikutan cuaca panas yang melanda negara sejak hujung Mac lalu.**

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha tembikai, Toh Soon Heng, 53, berkata, tembikai menjadi pilihan orang ramai untuk menghilangkan dahaga kerana isinya yang berjus.

Katanya, permintaan tembikai pada Mac dan April sangat menggalakkan kerana menjadi 'buruan' peniaga bazar Ramadan untuk dijual sebagai air balang.

"Selain itu, buah ini juga sesuai dijadikan pencuci mulut sebelum atau selepas berbuka puasa. Walaupun Ramadan sudah berlalu, tembikai masih dicari untuk melengkapkan menu rumah terbuka.

"Tembikai merah menjadi pilihan pelanggan berbanding tembikai kuning kerana isinya tidak mempunyai biji," katanya ketika ditemui di kebunnya di Tehel di sini.

"Kuala Lumpur merupakan pasaran terbesar saya diikuti Johor dan Melaka. Pelanggan yang membeli tembikai dari kebun ini turut mengeksport," jelasnya.

■ TOH Soon Heng menunjukkan tembikai gred A yang dipetik dari kebunnya di Tehel, Jasin, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/5/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# Tumbesaran pisang terbantut, petani kerugian RM100,000

Oleh ROSMIZAN RESDI
utusannews@mediamulia.com.my

**TANAH MERAH:** Seorang petani dari Kampung Bukit Gading di sini mendakwa kerugian RM100,000 selepas tumbesaran pokok pisang yang diusahakannya terbantut akibat cuaca panas melampau.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Che Kamaruzaman Gan Chai, 65, berkata, situasi itu menyebabkan hasil tanaman yang diusahakan di atas tanah seluas enam hektar itu berkurang sebanyak 50 peratus.

"Semua pokok pisang ini sepatutnya sudah boleh dituai namun keadaan cuaca yang terlalu panas sejak awal tahun menyebabkan lebih 1,000 anak pokok pisang terbantut.

"Malah ada tanaman yang rosak seperti patah, daun terbakar serta kemerosotan hasil kerana kekurangan bekalan air," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Che Kamaruzaman memberitahu, cuaca panas yang melanda ketika ini adalah paling teruk pernah melanda kawasan berkenaan.

Katanya, alur sungai yang menjadi sumber bekalan air untuk tanaman pisangnya juga turut kering disebabkan bahang panas melampau itu.

"Ketika keadaan cuaca panas sekarang ini, saya hanya ke kebun pada waktu pagi sekitar pukul 7 hingga 8 pagi manakala sebelah petang pada pukul 5.30 hingga 6.30 petang.

"Saya hanya mampu melakukan kerja-kerja di kebun selama sejam bagi satu-satu masa kerana tidak tahan dengan keadaan cuaca yang terlampau panas," jelasnya.

Che Kamaruzaman berkata, ketika ini dia hanya mengharapkan huj an bagi membolehkan tanaman itu kembali membuahkan hasil.

Dalam pada itu, beliau mengakui bil elektrik di rumahnya meningkat kerana penggunaan kipas dan pendingin hawa yang lebih kerap berbanding sebelum ini bagi meredakan bahang panas.



**CHE Kamaruzaman Gan Chai menunjukkan pokok pisang miliknya yang terbantut akibat cuaca panas melampau di Kampung Bukit Gading, Tanah Merah, Kelantan. - UTUSAN/ROSMIZAN RESDI**